



KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku Napoleon Bonaparte: Sang Penakluk Eropah

Selepas novel grafik Salahuddin Al-Ayyubi: Wira Pembebasan Baitul Maqdis, PTS Publishing House tampil dengan komik terbaru yang bertajuk Napoleon Bonaparte: Sang Penakluk Eropah. Novel grafik ini mengisahkan tentang kebangkitan jeneral muda Bonaparte dan siri kempen awal ketenteraannya, daripada penaklukan Toulon hingga ke kempen ketenteraannya di Itali serta kepulangannya dari Mesir.

Napoleon adalah seorang tentera bertubuh kecil dari sebuah pulau menjadi Napoleon Pertama dan Maharaja Perancis. Beliau seorang jeneral, konsul, dan anak muda yang bercita-cita tinggi ini. Juga seorang reformis yang bersemangat tinggi. Menerusi Revolusi Perancis, beliau berjaya menggulingkan sistem aristokratik yang menjadi amalan rejim lama. Beliau juga adalah pengasas negara moden dan genius dalam bidang ketenteraan yang mendominasi monarki-monarki di Eropah.

Antara kelebihan buku ini adalah:

- Ia adalah sebuah novel grafik.
- Sepenuhnya berwarna dan bergambar. Ini menjadikan pembacaan terasa segar dan ringan. Gambar-gambar dapat menjadi halwa mata dan merehatkan jiwa.
- Lukisan yang dilukis dapat menarik minat pembaca terutamanya para remaja untuk mengetahui sejarah tokoh ini.
- Novel ini hasil terjemahan daripada bahasa Perancis. Penterjemah cuba menterjemah kepada bahasa Melayu yang mudah untuk difahami tanpa mengusik fakta yang cuba disampaikan, tanpa ada sentimen berat sebelah supaya pembaca dapat menerima mesej serta fakta yang disampaikan.

Semoga novel grafik yang diterjemah ini dapat memberi pengajaran dan nilai-nilai murni kepada pembaca. Juga pembaca dapat menghargai perbezaan sudut pandangan bagaimana sejarawan dari barat melihat tokoh sejarah ini dengan sumber-sumber yang mereka ada.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Publicist

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my